

MENANGI PENAMBAHBAIKAN KEDIAMAN PEREKA DALAMAN DENGAN HLB CONNECT

Last Updated on 03 March 2022

TEMPOH KEMPEN

“Menangi Penambahbaikan Kediaman Pereka Dalaman dengan HLB Connect” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) (“selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada 9 Mei 2022 dan berakhir pada 8 Ogos 2022, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut ialah terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen ini (“**T&S**”):

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka untuk para pelanggan Bank (“**Pelanggan**”) yang:
 - (i) merupakan pelanggan individu rakyat Malaysia dan bukan Malaysia Bank yang baharu atau sedia ada yang tinggal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka;
 - (ii) merupakan pengguna Perbankan Dalam Talian HLB Connect dan/atau Aplikasi Connect (“**HLB Connect**”) yang baharu atau sedia ada; dan
 - (iii) telah menerima jemputan untuk menyertai melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (“**SMS**”) dan/atau e-Direct Mailer (“**eDM**”) dan/atau siaran Facebook yang disasarkan atau iklan melalui Instagram oleh Bank.
2. Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan:
 - (i) yang telah melakukan, atau kini disyaki melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank;
 - (ii) yang menghadapi prosiding muflis atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan/atau
 - (iii) yang telah melanggar mana-mana terma dan syarat yang mentadbir setiap Transaksi yang Layak yang disenaraikan dalam Jadual 1 dan Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen.
3. Pelanggan yang memenuhi syarat kelayakan di atas boleh menyertai Kempen ini dan berpeluang menerima Pakej Penambahbaikan Kediaman Pereka Dalaman bernilai Tiga Puluh Tiga Ribu Ringgi Malaysia (RM33,000) (“**Hadiah**”) termasuk produk dan perkhidmatan hiasan dalaman daripada Guocera Sdn Bhd (197801000415 (37438-T)) (“**Guocera**”). Sebarang kos tambahan yang melebihi Tiga Puluh Tiga Ribu Ringgi Malaysia (RM33,000) tidak akan ditanggung oleh Bank.

TATACARA KEMPEN

4. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan perlu:
 - (i) **Bagi Pelanggan Baharu Bank:**
Berjaya melakukan sekurang-kurangnya satu (1) Transaksi yang Layak melalui Laman Web HLB (<https://www.hlb.com.my>), Laman Web HLISB (<https://www.hlisb.com.my>) atau Apply@HLB App semasa Tempoh Kempen dengan butirannya disediakan dalam Jadual 1 di bawah;
 - (ii) **Bagi Pelanggan Sedia Ada Bank:**
Berjaya melakukan sekurang-kurangnya satu (1) Transaksi yang Layak melalui Perbankan Dalam Talian dan/atau Aplikasi Perbankan Mudah Alih HLB Connect Laman Web HLB (<https://www.hlb.com.my>), Laman Web HLISB (<https://www.hlisb.com.my>) atau

Apply@HLB App semasa Tempoh Kempen dengan butirannya disediakan dalam Jadual 1 di bawah;

Pelanggan yang telah memenuhi semua syarat di bawah Klausa 4 selepas ini akan dirujuk sebagai “Pelanggan yang Layak” .

Jadual 1

Transaksi yang Layak	Bilangan Penyertaan
Membuka Akaun Semasa dan Simpanan/Akaun Semasa dan Simpanan-i (“ CASA/CASA-i ”) <i>CASA/CASA-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.</i>	1 penyertaan selepas setiap permohonan dan pembukaan akaun yang berjaya
Mohon Kad Kredit	1 penyertaan selepas setiap permohonan yang berjaya dan diluluskan
Mohon Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i	1 penyertaan selepas setiap permohonan yang berjaya dan diluluskan sebanyak RM1,000
Mohon untuk Pindahan Baki	1 penyertaan selepas setiap permohonan yang berjaya dan diluluskan sebanyak RM1,000
Mohon untuk Wang Tunai Segera	1 penyertaan selepas setiap permohonan yang berjaya dan diluluskan sebanyak RM1,000
Mohon Pelan Pembayaran Fleksi	1 penyertaan selepas setiap permohonan yang berjaya dan diluluskan sebanyak RM1,000

5. Pelanggan yang Layak yang memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Klausa 4 di atas berpeluang memenangi Hadiah mengikut kaedah pemilihan pemenang yang dinyatakan dalam Klausa 9 di bawah.
6. Jumlah peruntukan Hadiah bagi Kempen terhad kepada tiga (3) Hadiah bernilai Tiga Puluh Tiga Ribu Ringgit Malaysia (RM33,000) setiap hadiah, yang mewakili nilai berjumlah Sembilan Puluh Sembilan Ribu Ringgit Malaysia (RM99,000) untuk diberikan oleh Kempen ini. Satu (1) Hadiah akan diperuntukkan setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen.
7. Setiap Pelanggan yang Layak hanya layak menerima satu (1) Hadiah sepanjang Tempoh Kempen. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, cek atau manfaat yang sama nilai.

8. Jika Pelanggan yang Layak dipilih sebagai Pemenang mengikut Klausa 9 di bawah, Pemenang hendaklah bersetuju dan/atau memberi kebenaran kepada para wakil Bank dan Guocera untuk melawat Rumah Pemenang (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 11 di bawah) bagi tujuan menjalankan penambahbaikan rumah. Pemenang juga hendaklah bersetuju bahawa Bank akan membawa satu pasukan krew penerbitan untuk merakamkan video proses penambahbaikan rumah di Rumah Pemenang dan membenarkan Bank untuk menggunakan video dan gambar-gambar sebelum dan selepas penambahbaikan untuk tujuan pengiklanan.

PEMILIHAN PEMENANG DAN PENGISIAN HADIAH

9. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang, Bank akan memperuntukkan penyertaan berdasarkan Transaksi yang Layak yang berjaya dan diluluskan yang dilakukan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di atas oleh setiap Pelanggan yang Layak semasa Tempoh Kempen.
- (a) Pelanggan yang Layak yang mengumpulkan penyertaan terbanyak semasa Tempoh Kempen yang disenaraikan dalam Jadual 2 di bawah akan layak menerima Hadiah ("**Pemenang**").
- (b) Sekiranya terdapat dua (2) orang atau lebih Pelanggan yang Layak yang mengumpulkan bilangan penyertaan terbanyak yang sama, Pelanggan yang Layak yang pertama mengumpulkan bilangan penyertaan terbanyak akan dipilih sebagai Pemenang.
- (c) Sepucuk surat rasmi ("**Surat Pemberitahuan**") akan dihantar ke alamat Pemenang (berdasarkan alamat pos dalam rekod Bank) dalam masa tiga puluh (30) hari selepas Pemenang diumumkan untuk menuntut Hadiah daripada Guocera seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2

Bulan Kempen	Tempoh Bulan Kempen	Bilangan Pemenang	Pengumuman Pemenang pada	Surat Pemberitahuan Dikeluarkan pada
Bulan 1	9 Mei 2022 – 8 Jun 2022	Seorang (1) Pemenang	15 Julai 2022	31 Ogos 2022
Bulan 2	9 Jun 2022 – 8 Julai 2022	Seorang (1) Pemenang	15 Ogos 2022	30 September 2022
Bulan 3	9 Julai 2022 – 8 Ogos 2022	Seorang (1) Pemenang	15 September 2022	31 Oktober 2022

10. Pemenang perlu berhubung dengan Guocera untuk mendapatkan perkhidmatan dalam masa tiga puluh (30) hari daripada tarikh pengeluaran Surat Pemberitahuan bagi tujuan menuntut Hadiah.
11. Tuntutan Hadiah mesti diselesaikan dalam masa lapan (8) bulan daripada tarikh Surat Pemberitahuan dikeluarkan ("**Tempoh Tuntutan**"). Tempoh Tuntutan merujuk kepada kedua-dua tarikh mula dan tamat kerja produk dan perkhidmatan hiasan dalaman yang dijalankan untuk para Pemenang oleh Guocera untuk satu (1) alamat kediaman yang terletak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka sahaja ("**Kediaman**").

12. Tuntutan Hadiah hanya sah untuk sekali guna sahaja. Sebarang baki yang tidak digunakan tidak akan dibayar balik. Jika nilai Hadiah kurang daripada nilai kerja produk dan perkhidmatan hiasan dalaman yang dilakukan oleh Guocera, perbezaan ini hendaklah ditanggung oleh Pemenang. Setiap Hadiah hanya untuk satu (1) kali tuntutan sahaja.
13. Bank berhak mengikut budi bicara untuk menggantikan Hadiah dengan apa-apa barangan lain atau Pulangan Tunai yang sama nilai.
14. Bank tidak membuat apa-apa representasi atau jaminan tentang kualiti atau kesesuaian Hadiah (termasuk tetapi tidak terhad kepada kesahihan dan/atau penggunaan Hadiah dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah yang hilang, dicuri atau rosak), dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan Surat Pemberitahuan yang hilang atau dicuri. Para Pemenang Hadiah hendaklah berurusan secara terus dengan Pembekal Perkhidmatan Hiasan Dalaman bagi apa-apa pertanyaan, pertikaian atau tuntutan berkaitan Hadiah tanpa mendapatkan bantuan dari Bank. Semua risiko, kehilangan, kerosakan dan/atau kecederaan yang berkait dengan penggunaan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
15. Hadiah yang ditunjukkan dalam semua bahan bercetak dan/atau laman web Bank bertujuan sebagai ilustrasi semata-mata. Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang ditampilkan dengan Hadiah dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan dekorasi dan tidak membentuk sebahagian daripada Hadiah.

AM

16. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju:
 - (i) bahawa mereka telah membaca, memahami dan menerima T&S dan bersetuju untuk terikat dengan T&S yang terkandung;
 - (ii) bahawa mereka telah membaca, memahami, menerima Notis Privasi Bank dan bersetuju untuk terikat dengan notis ini. Kedua-dua notis ini disediakan di laman web Bank (www.hlb.com.my / www.hlisb.com.my) ("Laman We;
 - (iii) bahawa semua rekod tentang pengisian syarat yang dirakamkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Kempen dan pemilihan Pemenang adalah muktamad.
 - (iv) bahawa keputusan Bank tentang semua perkara berkaitan Kempen adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat bagi semua Pelanggan;
 - (v) untuk memberi kebenaran dan membenarkan Bank menyiarkan nama mereka, ID atau nombor akaun yang disembunyikan, gambar, video dan bandar Kediaman bagi tujuan publisiti, iklan dan promosi dalam mana-mana media tanpa bayaran untuk tujuan pengiklanan dan publisiti;
 - (vi) untuk memberi kebenaran dan membenarkan Bank mendedahkan data peribadi mereka (iaitu, nama, nombor ID, alamat, alamat e-mel dan/atau butiran hubungan, jika berkenaan) kepada pembekal perkhidmatan Bank dan Guocera bagi tujuan Kempen ini;
 - (vii) untuk memberikan butiran hubungan mereka yang terkini dan tepat, iaitu nombor mudah alih dan alamat kepada Bank. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan/bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan yang Layak dan/atau Pemenang, dan/atau menyampaikan Surat Pemberitahuan Pemenang, jika berkenaan, disebabkan nombor mudah alih dan/atau alamat yang disediakan oleh Pelanggan yang Layak tidak tepat/tidak sah atau SMS dan/atau Surat Pemberitahuan tidak dapat disampaikan atas apa jua sebab.
 - (viii) untuk mengakses laman web Kempen di www.hlb.com.my/dreamhome ("**Laman Web Kempen**") pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Kempen ini dan untuk memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut;
 - (ix) bertanggungjawab untuk sebarang caj syarikat telekomunikasi, caj perayauan atau telefon, sama ada di dalam atau di luar Malaysia disebabkan oleh komunikasi dengan Bank berkaitan dengan Kempen ini; dan

- (x) bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini.
17. Bank berhak:
- (i) dengan memberikan notis awal kepada Pelanggan untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen dengan memaklumkan menerusi Laman Web Kempen;
 - (ii) untuk menyiarkan atau memaparkan nama, gambar, video dan bandar Kediaman Pemenang bagi Kempen ini bagi tujuan pengiklanan dan publisiti dalam apa juga cara yang dianggap sesuai oleh Bank;
 - (iii) untuk membatalkan Hadiah Tunai sekiranya Pelanggan tidak mematuhi T&S yang terkandung, Terma dan Syarat yang mentadbir Transaksi yang Layak, Terma dan Syarat untuk menggunakan HLB Connect dan semua undang-undang/peraturan lain yang terpakai;
 - (iv) untuk menggantikan Hadiah dengan apa-apa barangan lain yang sama nilai mengikut budi bicaranya; dan
 - (v) untuk membatalkan mana-mana Pelanggan atas ketidakpatuhan T&S yang terkandung di sini daripada menyertai Kempen ini dan/atau melayakkan diri untuk Hadiah.
18. Sebagai tambahan kepada T&S yang dinyatakan di atas, Pelanggan bersetuju bahawa Terma dan Syarat yang mentadbir Transaksi yang Layak dan Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan, T&S tertentu yang terkandung di sini akan digunakan bagi merangkumi percanggahan tersebut.
19. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S ini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Kempen ini, T&S terakhir pada Laman Web Kempen akan digunakan.
20. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk menghormati bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
21. Kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

Jika anda ada sebarang pertanyaan tentang T&S ini, sila e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.